

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

**TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah serius yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu banyak keluarga yang terkesan teruk apabila ramai kehilangan pekerjaan akibat krisis ekonomi disebabkan oleh pandemik COVID-19 ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak Kerajaan sememangnya amat prihatin dengan kesulitan yang dihadapi oleh isirumah yang telah kehilangan punca pendapatan akibat kegawatan ekonomi beikutan penularan wabak COVID-19. Oleh demikian, pihak Kerajaan telah melancarkan pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) berjumlah RM295 bilion yang mempunyai pelbagai inisiatif bagi membantu mereka yang terkesan dari segi punca pendapatan akibat kegawatan yang melanda.

Dalam konteks ini, Kerajaan menerusi pakej-pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan, telah mengambil pendekatan secara langsung menangani isu pendapatan terjejas, antaranya seperti berikut:

- I. Meringankan beban kewangan isirumah yang terjejas pendapatan melalui inisiatif seperti:
  - a. Bantuan tunai secara *one-off* dengan nilai diantara RM500 hingga RM1,600 melalui Bantuan Prihatin Nasional;
  - b. Bantuan tunai antara RM500 hingga RM600 secara *one-off* kepada pemandu teksi, pemandu *e-hailing*, penarik beca, pemandu pelancong, pemandu bas pelancong dan bas sekolah;
  - c. Pengeluaran KWSP Akaun 2 sebanyak RM500 sebulan terhad sehingga RM6,000 selama 12 bulan;
  - d. Moratorium 6 bulan pembayaran balik pinjaman daripada semua bank di Malaysia;
  - e. Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah Perkeso bagi membantu pencarum SIP yang kehilangan pekerjaan; dan

- f. Bantuan khidmat nasihat kewangan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Bank Negara Malaysia.
- II. Meringankan beban kewangan isirumah yang bermiaga kecil-kecilan yang terjejas pendapatan melalui insentif seperti:
  - a. Bantuan tunai secara *one-off* dengan nilai RM3,000 melalui Geran Khas Prihatin; dan
  - b. Moratorium 6 bulan pembayaran balik pinjaman daripada semua bank di Malaysia.
- III. Merangsang permintaan pekerjaan di kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta kebolehpekerjaan di kalangan pencari kerja tempatan melalui inisiatif berikut:
  - a. Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan (PenjanaKerjaya);
  - b. Menaik taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara bagi memperkukuh portal pekerjaan dan padanan kerja serta bekerjasama dengan portal pekerjaan swasta untuk padanan kerja; dan
  - c. Program kemahiran dan peningkatan kemahiran.

Kementerian Kewangan juga pada masa ini sedang mengkaji keberkesanan inisiatif-insiatif yang telah diumumkan dan akan memperkenalkan langkah-langkah penambah baikan segera bagi memastikan golongan sasar yang terkesan dapat dibantu dengan lebih cekap dan berkesan. Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan dan dipertanggungjawabkan untuk tujuan ini.

Sekian, terima kasih.